



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 OGOS 2017 (SABTU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- MPAJ julung kali anjur karnival sempena sambutan 25 tahun



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 OGOS 2017 (SABTU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ julung kali anjur karnival sempena sambutan 25 tahun
Muka Surat	40

MPAJ julung kali anjur karnival sempena sambutan 25 tahun SH 19/8/2017 m/s 40



AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) buat julung kalinya mengadakan Karnival MPAJ 2017 di Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, karnival yang berlangsung hari ini dan esok diadakan bagi merayakan penubuhan MPAJ yang ke-25 tahun.

"Kita berbesar hati ingin melaksanakan karnival dengan menawarkan pelbagai program menarik untuk masyarakat di luar sana.

"Program ini diadakan sekali dengan Karnival Sihat Selangor anjuran kerajaan negeri dan sebanyak 40 program telah dirancang bagi memenuhi acara sepanjang dua hari ini.

"Penganjuran karnival seperti ini dapat menjadi platform bagi merapatkan hubungan antara warga kerja MPAJ dan masyarakat setempat," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini.

Menurutnya, pelaksanaan karnival itu dapat merealisasikan hasrat kerajaan negeri bagi mencapai visi ke arah individu, keluarga dan masyarakat sihat sejahtera dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk agensi lain, pertubuhan bukan kerajaan dan penduduk di kawasan Ampang.

"Antara aktiviti yang dianjurkan adalah kayuhan santai Jalur Gemilang, kempen berjalan 10,000 langkah, zumba, sukan jawatankuasa penduduk (JKP), ceramah oleh Imam Muda Ashraf, himpunan 150 motosikal dan 150 kereta mini klasik.

"Selain pameran dan pemeriksaan kesihatan, kita turut menyediakan gerai jualan makanan, barangan kering, buah-buahan dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama)," katanya kepada *Sinar Harian*.

Abd Hamid (duduk, dua kanan) bersama kakitangan MPAJ dan peserta Karnival MPAJ 2017.